

09 JUN 2003

MAHATHIR-TUMBUH/I

K'JAAN YAKIN LEBIH DARI 4.5 PERATUS PERTUMBUHAN KDNK TAHUN INI

PUTRAJAYA, 9 Jun (Bernama) -- Kerajaan yakin bahawa pertumbuhan ekonomi negara boleh melebihi 4.5 peratus tahun ini jika semua kumpulan berkenaan berazam dalam melaksanakan langkah-langkah yang terkandung di dalam pakej rangsangan ekonomi yang diumumkan 21 Mei lalu, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Pakej itu patut dilaksanakan dengan keazaman supaya matlamat-matlamatnya boleh dicapai, beliau memberitahu pemberita selepas mempengerusikan sesi ketiga dialog Belanjawan 2004 di sini.

Kerajaan telah meramalkan pertumbuhan 4.5 peratus bagi tahun ini tetapi terdapat pendapat lain yang ini tidak boleh dicapai kerana kejatuhan ekonomi akibat perang di Iraq dan wabak Sindrom Pernafasan Akut yang Teruk (SARS). Pada 2002, ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 4.2 peratus.

Dr Mahathir berkata ekonomi Malaysia telah menyambut baik kepada pakej rangsangan kerajaan itu setakat ini jika seseorang pengambil kira pergerakan Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur.

"Sambutan adalah amat baik. Jika anda ambil indeks pasaran saham sebagai petunjuk, ia kelihatan orang telah menerimanya dengan baik," tambah beliau.

"Untuk pertama kali, ia (KLCI) telah melepaskan diri daripada Bursa Saham New York. Biasanya, kita turun atau naik mengikut (indeks) Dow Jones, tetapi sekarang sementara Dow Jones turun, kita masih naik. Jadi ini adalah satu perkara yang baik," tambahnya.

Apabila Dr Mahathir, yang juga menteri kewangan, mengumumkan pakej rangsangan itu pada 21 Mei, KLCI naik sebanyak 3.41 mata kepada 640.37 mata.

KLCI melonjak kepada 682.43 mata Khamis lepas dan bergerak ke paras tertinggi tahun ini apabila ia ditutup pada 685.25 mata pada penutup tengah hari ini. -- BERNAMA

MAM SHY OS